

**SOALAN NO. 45**

- iii) Membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan teksi yang mencapai pendarafan keselamatan tiga (3) bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf dengannya.
- iv) Membenarkan penggunaan kadar tambang dinamik bagi teksi bermeter yang menggunakan aplikasi *e-hailing*. Pemandu-pemandu teksi sedia ada akan diberi pilihan untuk mendapatkan penumpang secara '*street hail*' dan '*e-hailing*' dengan pembayaran secara kadar bermeter atau menggunakan kadar tambang dinamik (menggunakan kadar tetap atas talian) jika mereka mendapatkan penumpang menggunakan perkhidmatan *e-hailing*.
- v) Pengecualian Kaedah 37(A), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959 yang telah berkuatkuasa pada 11 Disember 2017 dengan memberi pengecualian terbuka kepada semua model kenderaan dan pemeriksaan kenderaan bagi kenderaan baharu yang telah bermigrasi bermula pada 31 Mac 2017.

Sekian, terima kasih.